

# TIGA PEGAWAI TUDM DIPILIH SEBAGAI PEMERHATI EKS COPE NORTH 2018



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3080-tiga-pegawai-tudm-dipilih-sebagai-pemerhati-eks-cope-north-2018](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3080-tiga-pegawai-tudm-dipilih-sebagai-pemerhati-eks-cope-north-2018)

AMERIKA SYARIKAT, 22 Feb 18 – Tiga orang pegawai TUDM iaitu Lt Kol Razali bin Ahmad Jumali TUDM, Lt Kol Baharin bin Mohamad TUDM dan Mej Zamri bin Tain TUDM telah dipilih untuk menjadi pemerhati sepanjang Eks Cope North 2018 yang dilaksanakan di Guam Island pada 14 Feb hingga 22 Feb 18.

Eks Cope North 2018 kali ini melibatkan negara Amerika Syarikat, Jepun dan Australia dengan memfokuskan operasi *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR) di mana senario gempa bumi telah berlaku di Pulau Tinian dan konsep HADR yang digunakan ialah hub and spoke.

Seramai 20 pegawai pemerhati dari pelbagai negara berpeluang berkongsi pengalaman dan melihat bagaimana perancangan dan perlaksanaan misi HADR dilaksanakan.

